

## **SEMINAR LITERASI MAKLUMAT DAN MEDIA KEBANGSAAN (2022)**

Rosnani Ahmad, Cik Ramlah Che Jaafar, Nooradilah Azmi, Rabiahtul Adauwiyah Abu Hanipah, Ebrahim Abdul Manan; Profesionalisme Pustakawan Akademik Berasaskan Penjenamaan Peribadi Autentik: Pendekatan Universiti Sains Malaysia

# **PROFESIONALISME PUSTAKAWAN AKADEMIK BERASASKAN PENJENAMAAN PERIBADI AUTENTIK DI UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

Rosnani Ahmad, Cik Ramlah Che Jaafar, Nooradilah Azmi, Rabiahtul Adauwiyah Abu Hanipah, Perpustakaan Hamzah Sendut, Universiti Sains Malaysia  
11800 USM, Pulau Pinang  
[rosnaniahmad@usm.my](mailto:rosnaniahmad@usm.my)

Ebrahim Abdul Manan  
Growth, Universiti Sains Malaysia  
11800 USM, Pulau Pinang  
[ebrahim@usm.my](mailto:ebrahim@usm.my)

### **ABSTRAK**

Nilai teras profesionalisme bagi pustakawan akademik bermakna menyokong penyediaan perkhidmatan Perpustakaan untuk memenuhi keperluan dalam aktiviti pembelajaran, pengajaran, penyelidikan serta sosial selain memainkan peranan penting ke arah pencapaian matlamat Institusi Pengajian Tinggi (IPT). Pustakawan perlu menerapkan kriteria Penjenamaan Peribadi Autentik (Criteria of Authentic Personal Branding) dengan menilai diri secara mendalam, mengenalpasti dan menggunakan kepakaran serta kebolehan yang dimiliki dengan konsisten tanpa meniru individu lain selain cuba meminimumkan persepsi negatif dan stereotaip masyarakat terhadap profesion kepustakawan. Kini, peranan yang dimainkan oleh pustakawan akademik di Perpustakaan Universiti Sains Malaysia, bukan hanya tertumpu kepada perancangan, pembangunan serta pengurusan sumber dan koleksi semata-mata, sebaliknya turut berperanan sebagai konsultan, koordinator, fasilitator, kurator, teknologis, jurutera, pemudahcara dan pegawai perhubungan awam untuk organisasi. Kertas **kerja** ini bertujuan untuk berkongsi pengalaman dan amalan pustakawan akademik di Perpustakaan Universiti Sains Malaysia dalam merencanakan program serta inisiatif bagi Perkhidmatan Pendidikan Pengguna & Literasi Maklumat, Perkhidmatan Rujukan & Maklumat Elektronik serta Perkhidmatan Sokongan Akademik & Penyelidikan dengan menerapkan kerangka *Association of College and Research Libraries (ACRL) Framework for Information Literacy for Higher Education.*

**KATA KUNCI:** Profesionalisme pustakawan akademik, Penjenamaan Peribadi Autentik (Authentic Personal Branding), literasi maklumat, sokongan akademik dan penyelidikan, rujukan dan maklumat elektronik, Universiti Sains Malaysia, ACRL Framework`